

Sumber : Utusan Malaysia
Tarikh : 25 Jun 2009
Mukasurat : 16

Waspada e-mel palsu janji hadiah

KUALA LUMPUR 24 Jun – Orang ramai khususnya pengguna mel elektronik (e-mel) dinasihatkan supaya berhati-hati dan jangan mudah terpedaya dengan e-mel yang menjanjikan hadiah lumayan.

Pengarah Eksekutif Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM), Muhamad Tahir Muhamad Noor berkata, pihaknya menerima aduan mangsa yang dikatakan memenangi hadiah wang tunai lumayan daripada syarikat-syarikat antarabangsa.

Katanya, antara e-mel penipuan itu berbunyi: “adalah dimaklumkan bahawa kamu telah memenangi hadiah wang sebanyak hampir RM475,000 untuk bulan Jun ini dan telah diuruskan oleh xxxxxx.”

“Kes penipuan itu pada mulanya akan meminta maklumat peribadi dan butiran akaun mangsa, kemudian mengeluarkan semua duit simpanan bank mangsa,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Muhammad Tahir berkata, pengguna boleh melaporkan kepada Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia (PDRM) di talian 03-26163999 atau 03-26163882.

“Aduan juga boleh dibuat kepada pihak CFM melalui talian 1-800-18-2222 atau e-mel kepada aduan@cfm.org.my,” katanya.